



TERIMA KASIH: Carolyn (kiri) bersama Ketua Pengarah NADMA, Datuk Khairul Shahril Idrus semasa Majlis Penganugerahan Sijil Penghargaan Bengkel.

NDRC UMS terus aktif rangka inisiatif berkaitan risiko bencana alam

UB 08.09.2023 P.03

KOTA KINABALU: Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC), Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus aktif menyumbang dalam merangka inisiatif berkaitan pengendalian risiko bencana alam.

Terbaru, NDRC terlibat secara langsung dalam Siri Bengkel Pemurnian Modul Community Based Disaster Risk Management (CBDRM) anjuran Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) di sebuah hotel di Selangor.

Pengarah NDRC UMS, Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Carolyn Melissa Payus, berkata bengkel itu antara lain bertujuan untuk penetapan pelaksanaan program komuniti berkaitan yang perlu diperluas di peringkat lokaliti dengan kerjasama organisasi bukan kerajaan (NGO) dan institusi pengajian tinggi (IPT) negara.

"Ini bagi meningkatkan keupayaan kumpulan pemimpin komuniti supaya sentiasa bersiap sedia dan proaktif dalam mengurangkan risiko bencana serta menerapkan nilai daya tahan menghadapi bencana."

"Usaha proaktif dalam

pelaksanaan bengkel sebegini amat penting untuk memastikan penyelarasan dibuat terhadap pelaksanaan program komuniti CBDRM agar mengandungi komponen dan piawaian seragam," katanya dalam satu kenyataan.

Carolyn turut memaklumkan program CBDRM yang melibatkan komuniti merupakan salah satu keperluan utama negara.

"Modul ini mampu membantu meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan orang awam terhadap risiko bencana agar mereka bertindak tanpa bergantung kepada agensi kerajaan atau penyelamat dalam menghadapi fenomena bencana."

"Pendekatan bottom-up dari peringkat komuniti secara whole of society approach sangat penting dalam pendedahan modul-modul latihan kepada komuniti."

"Pendekatan ini untuk memperkuuh fasa pencegahan dan kesiapsiagaan sebelum berlakunya bencana (pre-disasters) dan mengurangkan kehilangan nyawa, kecederaan, kerusakan serta kerugian kos yang tinggi kepada negara," katanya.